



## SIARAN MEDIA

### MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

---

#### **MAJLIS PENGANUGERAHAN WATIKAH PELANTIKAN YANG DIPERTUA DAN ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK BAGI PENGGAL 2021 – 2023, HAKIM MAHKAMAH UTAMA SYARIAH NEGERI PERAK, AHLI JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK DAN KETUA PENDAKWA SYARIE NEGERI PERAK**

---

IPOH, 12 Januari 2021 - Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, mengikut seksyen 11, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 telah berkenan menyampaikan watikah pelantikan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAJLIS) yang baharu YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021.

*(Mohd Annuar Bin Zaini dilahirkan pada 16 October 1951, berkelulusan Ijazah Master of Arts in Law & Diplomacy dari The Fletcher School of Law & Diplomacy, University Tufts, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) Kepujian dari Universiti Kebangsaan Malaysia.*

*Memulakan kerjaya dalam perkhidmatan kerajaan sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1977. Berkhidmat di beberapa kementerian dan jabatan kerajaan di peringkat Persekutuan serta dengan Kerajaan Negeri Perak. Pada tahun 1999, beliau memilih bersara secara pilihan daripada jawatan kerajaan untuk menceburkan diri dalam sektor swasta.*

*Mulai Februari 2004, beliau diperkenankan lantikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan sebagai Ahli Dewan Negara Perak, mulai April 2008, sebagai anggota Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. Beliau juga dilantik sebagai Distinguished Fellow Institut Kajian Strategik dan Hubungan Antarabangsa sejak 2000. Beliau ketika ini menganggotai ahli Lembaga Pengarah PERKESO dan menganggotai lembaga pengarah beberapa syarikat sendirian berhad.*

*Beliau pernah diberikan tanggungjawab sebagai Penasihat dan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (2007-2009), Pengerusi BERNAMA (Februari 2004 - January 2010), Ahli Lembaga Pengarah The Royal Perak Medical College (2005-2011), Pengarah Eksekutif Berjaya Corporation Berhad (2001-2004), Ahli Lembaga Pengarah Malaysia Airline System Berhad (2005-2011), PLUS Expressways Berhad (2007-2012) dan Tropicana Corporation Berhad (2010-2015). Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaya (2014-2019), Pengerusi University Malaya Specialist Centre (2015-2019), Pengerusi International University of Malaya Wales (2014-2019). Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaya Holding (2017-2019) dan Ahli Lembaga Pengarah (Bebas dan Bukan Eksekutif) Manulife Holdings Berhad, Manulife Insurance Berhad dan Manulife Investment Management (M) Berhad (2011-2020).*

Majlis tersebut telah disempurnakan dalam satu Majlis Penganugerahan Watikah Pelantikan Yang Dipertua dan Anggota-Anggota Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak bagi penggal 2021 – 2023, Hakim Mahkamah Utama Syariah Negeri Perak, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dan Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak berkenan menyampaikan watikah pelantikan kepada 19 orang Anggota majlis bagi penggal 2021 – 2023. Mereka terdiri daripada lima (5) *Ex-Officio* iaitu Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Negeri Perak, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, Pegawai Kewangan Negeri Perak dan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak dan 10 lagi anggota daripada lantikan sebelum ini.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak turut berkenan menyampaikan watikah pelantikan kepada tiga (3) orang Anggota MAJLIS yang baharu bagi penggal 2021 – 2023. Pelantikan ini, menjadikan keseluruhan Anggota MAJLIS bagi penggal 2021 – 2023 adalah seramai 19 orang diketuai oleh YABhg. Dato’ Seri Mohd. Annuar bin Zaini selaku Yang Dipertua MAIPk. Senarai nama-nama Yang DiPertua dan Anggota MAIPk boleh dirujuk pada **Lampiran A**.

MAIPk diterajui oleh anggota-anggota yang berwibawa dan berpengalaman luas serta mahir dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu. Komposisi Anggota MAIPk yang dilantik adalah dalam kalangan mereka yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran masing-masing dalam memperkasakan agenda memartabatkan

ummah. Anggota MAIPk ini terdiri daripada ahli korporat, ahli akademik, ahli undang-undang, ahli hukum syarak. MAIPk berusaha untuk melaksanakan tanggungjawabnya iaitu untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di Negeri Perak selaras dengan hukum syarak.

Pada majlis yang sama, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak juga berkenan menyampaikan watikah pelantikan Hakim Mahkamah Utama Syariah Negeri Perak, 9 orang Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dan Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak. Senarai nama-nama ahli-ahli tersebut boleh dirujuk pada **Lampiran B**.

Semoga pelantikan ini dapat mengukuhkan lagi tadbir urus hal ehwal Islam Negeri Perak dan seterusnya memacu kemajuan ummah Islam di Negeri Perak.



(SHAHRUHKH AZAM BIN SHAARI)  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
28 Jamadilawal 1442H / 12 Januari 2021

**Lampiran A**

**SENARAI NAMA YANG DIPERTUA DAN ANGGOTA  
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK  
BAGI PENGGAL 2021 – 2023**

BIL.	NAMA	STATUS
1.	YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini	<b>Yang Dipertua</b>
2.	Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Negeri Perak YAB. Dato' Saarani bin Mohamad	<b><i>Ex-officio</i></b>
3.	Setiausaha Kerajaan Negeri Perak YB. Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim	<b><i>Ex-officio</i></b>
4.	Penasihat Undang-Undang Negeri Perak YB. Tuan Azmir Shah bin Zainal Abidin	<b><i>Ex-officio</i></b>
5.	Pegawai Kewangan Negeri Perak YB. Dato' Zulazlan bin Abu Hassan	<b><i>Ex-officio</i></b>
6.	Pengarah Jabatan Agama Islam Perak YBhg. Dato' Haji Mohd. Yusop bin Haji Husin	<b><i>Ex-officio</i></b>
7.	YBhg Orang Kaya Kaya Shahbandar Paduka Indera Ahmad Raziff bin Dato' Seri Mohamad Zulkifli	<b>Lantikan baharu</b>

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>STATUS</b>
8.	YBhg. Orang Kaya Kaya Imam Paduka Tuan Dato' Dr. Afifi al-Akiti	<b>Lantikan semula</b>
9.	YDH. Toh Seri Maharaja Lela Dato' Seri Zainal Adzam bin Abd. Ghani	<b>Lantikan semula</b>
10.	YDH. Toh Seri Bijaya Lt. Kol. (B) Dato' Shaharudin bin Haji Nazari	<b>Lantikan semula</b>
11.	YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Dr. Nordin bin Kardi	<b>Lantikan semula</b>
12.	YDH. Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato' Ar.LA Meor Roslan bin Dato' Seri Hj. Meor Ahmad Rashidi	<b>Lantikan semula</b>
13.	YDH. Toh Seri Lela Paduka Dr. Khalid bin Ismail	<b>Lantikan semula</b>
14.	YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed	<b>Lantikan semula</b>
15.	YBhg. Dato' Haji As'ad bin Awang	<b>Lantikan semula</b>
16.	YBhg. Profesor Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz	<b>Lantikan semula</b>
17.	YBrs. Prof Madya Dr. Mohamed Fairooz bin Abdul Khir	<b>Lantikan baharu</b>
18.	YBhg. Dr. Haji Mohd Fahmi bin Abdul Khir	<b>Lantikan semula</b>
19.	YBrs. Dr. Aida binti Othman	<b>Lantikan baharu</b>

**SENARAI NAMA AHLI JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>
1.	S.S. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak
2.	S.S. Dato' Haji Zamri Bin Hashim Timbalan Mufti Negeri Perak
3.	S.F. Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Hussin Pengarah Jabatan Agama Islam Perak
4.	S.F. Dato' Haji Asad bin Awang Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak
5.	S.F. Tuan Haji Mohd Suaid Bin Din Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak
6.	S.F. Prof. Dr. Jamil Bin Hashim Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak
7.	S.F. Prof. Madya Dr. Haji Ahmad Husni bin Haji Hasan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak
8.	S.F. Prof. Madya Dr. Mohamed Fairooz bin Abdul Kfir Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak
9.	S.F. Prof. Madya Dr. Lukman bin Abdul Mutalib Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak

**HAKIM MAHKAMAH UTAMA SYARIAH NEGERI PERAK**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>
1.	YAA. Dato' Setia Dr. Haji Mohd Naim bin haji Mokhtar

**KETUA PENDAKWA SYARIE PERAK**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>
1.	YBrs. Tuan Mohd Asri Bin Mohamad Ghazali